



**PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA**  
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Peniaga rugi RM40,000 ditipu dua 'pegawai kerajaan'  
Publication/Portal: Kosmo  
Date: 24 May 2021

Language: Bahasa Malaysia  
Section: Negara  
Page: 9

## Peniaga rugi RM40,000 ditipu dua 'pegawai kerajaan'

**SEBERANG PERAI** – Seorang ahli perniagaan berusia 55 tahun di Kepala Batas, di sini berputih mata apabila wang sebanyak RM40,000 miliknya lesap dipercayai ditipu sindiket Macau Scam baru-baru ini.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara, Asisten Komisioner

Noorzainy Mohd. Noor berkata, mangsa terjerat selepas menerima panggilan daripada individu yang mendakwa dirinya pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

"Menurut 'pegawai' itu, mangsa mempunyai tunggakan cukai syarikat sebelum panggilan

berkenaan disambung kepada individu lain, kononnya pegawai polis dari Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pahang.

"Mangsa kemudiannya dimaklumkan oleh 'polis' berpangkat Asisten Superintendan itu bahawa dia turut terlibat dalam beberapa kes jenayah seperti da-

dah, ah long dan scam," katanya kepada pemberita semalam.

Noorzainy menambah, mangsa yang panik selepas mendengar dakwaan itu tanpa berfikir panjang telah mengikut arahan pemanggil untuk memindahkan wang RM40,000 ke dalam akaun bank diberikan suspek supaya

namanya dibersihkan daripada rekod polis.

Jelasnya, mangsa menyedari ditipu selepas memaklumkan hal itu kepada anak lelakinya dan tampil membuat laporan polis kelmarin.

Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.